

Steven didesak letak jawatan

KUALA LUMPUR: Pemuda Umno mendesak Ketua PengerangMalaysiakini.com Steven Gan, meletak jawatan kerana menyiarkan berita palsu mendakwa polis terbabit dalam kes semburan pemedih mata ke muka bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Penolong Setiausaha Pemuda Umno, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata perbuatan malaysiakini.com itu membuktikan ia mengarnalkan sikap pilih kasih serta tidak bertanggungjawab kerana menyiarkan berita tanpa memastikan kesahihan sumber.

Beliau berkata, ia jelas menunjukkan keangkuhan malaysiakini.com yang selama ini mendabik dada kononnya berpegang kepada nilai kewartawanan, integriti, telus dan mengutamakan piawaian kewartawanan tinggi.

'Ternyata ini semua hipokrit,' katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Abdul Rahman berkata, tindakan laman web malaysiakini.com menyiarkan berita palsu kononnya polis terbabit dalam kes semburan pemedih mata ke muka Dr Mahathir adalah jelas satu fitnah.